

DR SHAFIE ABU BAKAR

TOKOH PERSURATAN DUNIA NUMERA 2013 (NUSANTARA MELAYU RAYA)

UTAMA BIODATA ANUGERAH PUISI ANEKDOT BUKU GAGASAN DAN TEORI MEMOIR HUBUNGI KAMI

December 11, 2019

KEWAJARAN MENGAMBIL TEMA BANGI BANDAR ILMU

KEWAJARAN MENGAMBIL TEMA BANGI BANDAR ILMU

Fikrah Bangi: 420),

BBB: 14 R.Akhir 1441H. = 11 Disember 2019M. (Rabu).

Mengambil tema `Bangi Bandar Ilmu` yang dicetuskan pada sambutan 30 tahun Bandar Baru Bangi, adalah sesuatu pilihan yang wajar. Ianya dapat dijadikan sebagai imej ketara bagi BBB berbanding dengan bandar-bandar yang lain.

Sebagaimana maklum kelahiran BBB pada tahun 1977 adalah merupakan pemangkin bagi kemajuan UKM. Sebagai sebuah universiti terkenal sejak dari masa itu bersama wujudnya Universiti Malaya dan diikuti selepas UKM ialah USM dan UPM, maka pembukaan UKM turut sama membawa nama UKM. Dengan Bangi Bandar Ilmu pada peringkat permulaan, ia adalah Banfar Ilmu bagi UKM, ini ialah kerana pada peringkat awal bandar ini dihuni oleh tenaga pengajar dari UKM dan sebahagian dari UPM dan pekerja-pekerja bagi UKM.

Walaupun imej Bangi Bandar Ilmu bukan sahaja kerana ianya menjadi kediaman para akademik dan para pekerja universiti, tetapi dalam perkembangan lanjut kawasan koridor selatan bagi negeri Selangor ini berkembang pesat dari segi pembangunan fizikal, iaitu selepas wujud lebuh raya PLUS yang asalnya ke Bangi dari KL (1977) dan di sambung ke Seremban serta seterusnya ke Johor Bharu. Dari perkembangan fizikal ini turut meningkatkan kedudukan Bangi sebagai tempat strategik, ialah dengan Pembukaan KLIA pada 1999. Jadi Koridor Selatan Negeri Selangor ini bukan saja menjadi kawasan yang strategik dan berada di bawah kawasan tiga segi emas, malah ianya bertambah maju dan terkenal dengan pembukaan Putrajaya pada awal tahun 2001. Jadi Bangi berada pada pertengahan jalan dari Kuala Lumpur ke Seremban dan Johor, tetapi menjadi pintu gerbang bagi kemasukan dunia luar ke Malaysia dan ibu negara Putra Jaya.


Walaupun dilihat dengan pembukaan Putrajaya melindungi imej BBB, tetapi sebenarnya ianya menjadi pemangkin bagi kemajuan BBB. Ini dapat dibuktikan pada awal pembukaan BBB 1977 dan sedekad berikutnya, BBB tidak begitu menarik orang ramai untuk dijadikan tempat kediaman, tetapi dengan pembukaan Lebuh raya Plus, pembukaan KLIA dan Putrajaya semuanya menjelang tahun 2000, maka BBB menjadi tempat kediaman yang strategik. Tidak jauh bagi mereka yang sering ke luar negeri untuk ke KLIA, tidak jauh bagi mereka yang bekerja di Putrajaya untuk berulang antara BBB dan Putrajaya, bahkan untuk ke Kuala Lumpur. Hingga pada awal 2000, penduduk BBB telah bertambah kepada melebihi 150 ribu orang. Kawasan Bandar Baru Bangi yang pada asalnya berkembang kepada 4 Seksyen bertambah kepada 16 Seksyen. Dan pusat bandar yang penting ialah Seksyen 9. Hingga kepada masa BBB dipopularkan sebagai Bandar Ilmu (2007) sesudah usia 30 tahun, maka pada masa itu BBB dan sekitarnya, bukan saja menjadi tempat kediaman yang popular, tetapi tumbuh dan lahirnya berbagai-bagai universiti sama ada di BBB seperti UKM, Unites, Mara-French Insitut, German Mara Insiturtut (GMI), Open Universiti, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Universiti Sains Islam Malaysia, Universiti Infra-Struktur dan universiti-universiti yang berada di sekeliling BBB seperti Universiti Putra Malaysia, Universiti Multi-Media, Universiti Nilai, Universiti Nottingham, bahkan jumlah pengajaan tinggi di sekitar Bangi dan kelilingnya adalah sebanyak 20 buah universiti.

Pada masa yang sama lahir berpuluh-puluh pusat penyelidikan di sekitar Bangi, terutama skesyen 12 Bandar Baru Bangi seperti penyelidikan tanah, Pusat Alam Sekitar (Hijau), Pusat Kajian Kelapa Sawit, Petronas, pusat Latihan Sukan, GENOM, di pinggir Bangi, Pusat Penyelidikan Atom dan berbagai lagi. Bersama lahir di sekitar Bangi ialah pusat-pusat latihan seperti Latihan Pos, Latihan Bank, Latihan Sukan dan berbagai-bagai lagi. Sehingga awal 2000 BBB yang mempunyai 16 Sksyen itu telah penuh dengan pembangunan dan kediaman, sehingga pihak PKNS negeri Selangor dengan kerjasama swasta membuka bandar baru sebagai perluasan bagi BBB, iaitu Bandar Seri Putra dan Bandar Bukit Mahkota Kedua-duanya dibuka sekitar tahun 2001. Dalam erti kata yang lain BBB berkembang kepada Greater Bangi dan penduduknya melebihi dari setengah juta orang. Kawasan ini adalah koridor selatan bagi negeri Selangor dan menjadi salah

ANDA PELAWAT KE (MULA 04JUN2008)

1 7 2 0 8 4
7

PENULISAN DR SHAFIE ABU BAKAR



~PERSURATAN SUFI~



~MEREALISASIKAN BANGI BANDAR ILMU~

satu kawasan yang pesat membangun dan imej menonjol bagi kawasan ini bahawa ianya menjadi hub keilmuan yang merupakan keluasan bagi Bangi Bandar Ilmu. Sekian.

ditulis oleh Dr Shafie Abu Bakar at [6:34 PM](#)

No comments:

Post a Comment

Enter your comment...

 Comment as: Syahrul Sazli S


Notify me

[Newer Post](#)


[Home](#)

[Older Post](#)

Subscribe to: [Post Comments \(Atom\)](#)




~TEORI TAKMILAH~



~PUNCAK RINDU~

Himpunan Puisi Kerohanian Dr Shafie Abu Bakar



~GAGASAN BANGI~

Himpunan penyertaan Pertandingan Penulisan Esei dan Puisi Bangi Bandar Ilmu 2012